

21 MAY 1996

Mexico-Kerjasama

MEXICO DAN MALAYSIA ADAKAN KERJASAMA DALAM PENYELIDIKAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Mexico dan Malaysia akan memperkukuhkan kerjasama dua hala dengan lebih memberi tumpuan kepada penyelidikan pertanian, teknologi dan ekonomi.

Menteri Pertanian dan Sumber Airnya, Francisco Labastida Ochoa berkata dalam hal ini penyelidik Mexico dan Malaysia akan berkerjasama untuk faedah kedua-dua negara.

"Ini adalah susulan kepada perjanjian antara Presiden Mexico, Ernesto Mahathir Mohamad semasa mesyuarat APEC baru-baru ini," beliau memberitahu pemberita selepas mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabatnya di sini hari ini.

Ochoa bersama dengan delegasi 14 orang adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia mulai hari ini. Rombongan itu juga termasuk timbalan menteri berkenaan, Andres Casco, presiden Grupo S & TMM yang mewakili pihak swasta Mexico. Duta Mexico ke Malaysia, Ricardo Villanueva turut serta.

Ochoa berkata kerjasama pertanian itu akan lebih memberi tumpuan kepada penyelidikan mengenai kegunaan kelapa sawit, kelapa dan tanaman lain yang terdapat di kedua-dua negara untuk menghasilkan produk yang terbaik.

Beliau juga berkata sektor swasta dari kedua-dua negara juga digalakkan supaya mengadakan usahasama dan membuat pelaburan di kedua-ke dua negara.

Ochoa berkata Mexico sedang berusaha untuk menarik lebih ramai lagi peniaga-peniaga Malaysia melabur di negaranya terutamanya dalam sektor pembangunan dan ekonomi.

Menurut Ochoa lawatan mereka itu adalah juga sebagai membuat persediaan untuk lawatan Presiden Mexico ke sini tahun depan.

Rombongan itu juga akan mengunjungi Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. -- BERNAMA

HT WAT NMO